



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

17 JANUARI 2019

1. Pemilik dilarang bawa keluar anjing; Harian Metro
2. PBT diarah bantu tangani wabak; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="22"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
17 Januari 2019			

ipoh: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak melarang pemilik anjing di Taiping dan Bukit Gantang membawa keluar haiwan peliharaan mereka dari daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) tanpa kebenaran.

Larangan itu susulan keputusan kerajaan negeri mewartakan daerah berkenaan sebagai kawasan jangkitan penyakit anjing gila atau rabies.

Pengarah JPV negeri, Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, beberapa langkah perlu dipatuhi apabila sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan penyakit rabies.

Katanya, langkah itu termasuk larangan membawa keluar mana-mana anjing dari mukim Taiping dan Bukit Gantang tanpa kebenaran daripada Pengarah JPV negeri.

"Pemilik atau mana-mana orang yang bertanggungjawab terhadap anjing dalam kedua-dua mukim berkenaan hendaklah menyimpan haiwan itu di bawah kawalan ketat dengan mengurung dalam kawasan tertutup.

"Pemilik juga perlu mengikat haiwan berkenaan dengan selamat menggunakan rantai, tali pintal atau kulit pada leher," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Ahmad Shafri berkata, mana-mana anjing ditemui dalam kawasan jangkitan tanpa mematuhi langkah-langkah ditetapkan akan berdepan risiko dilupuskan.

Beliau berkata, seperti yang termaktub dalam Perintah Pemvaksinan Pencegahan Penyakit Anjing Gila, semua anjing berumur tiga bulan dan ke atas berada dalam kedua-dua mukim ini hendaklah diserahkan kepada JPV untuk disuntik vaksin.

Menurutnya, mengikut Akta Binatang 1953 (Semanakan 2006) dan (Pindaan) 2013, mana-mana pemilik anjing didapati tidak mematuhi langkah kawalan itu boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau hukuman penjara sehingga tiga bulan.

"JPV amat mengharapkan kerjasama orang ramai di kedua-dua mukim ini dengan memastikan anjing peliharaan mereka mendapat suntikan vaksin rabie.

"Oleh itu semua pemilik diminta mengurung haiwan peliharaan termasuk kucing bagi mengelakkan berlakunya gigitan daripada anjing berkeliaran dikhuatiri sudah dijangkiti rabies," katanya.

RABIES

Pemilik dilarang bawa keluar anjing

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat		M/SURAT: <input type="text" value="22"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
17 Januari 2019			

Tanjung Malim

PBT diarah bantu tangani wabak

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies mengambil langkah menangani wabak berkenaan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, jawatankuasa bertindak bagi menangani wabak itu adalah di bawah Menteri Besar mana-mana negeri terkesan.